

01/03/2003

Dunia perlu kerangka kewangan lebih adil

SEHINGGA 1971, sistem kewangan dunia adalah berasaskan model Bretton Woods, iaitu mata wang sesebuah negara dinilai berdasarkan rizab emas yang disimpannya. Tiada cacat-celanya sistem itu yang turut menyaksikan Amerika Syarikat menyimpan rizab emasnya di Fort Knox tetapi kegagalannya disebabkan banyak negara - Amerika tidak terkecuali - mencetak wang lebih daripada rizab emas yang dimiliki masing-masing. Lantaran itu, lahirlah sistem kewangan yang mewujudkan wang fiat, iaitu wang yang tidak mempunyai nilai sandaran. Ia adalah wang kertas dan wang bank atau wang perakaunan yang dicetak berdasarkan rizab perbankan serta berasaskan kadar faedah.

Seperti ditimbulkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, pelbagai pihak terlalu memberi nilai yang tinggi kepada dolar Amerika hanya berdasarkan kepercayaan dan keyakinan terhadapnya sedangkan tiada apa lagi yang boleh menyokong mata wang itu. Pada masa sama Washington terus berbelanja tanpa berhemat dengan kesedaran Amerika boleh terus mencetak dolar tanpa terikat lagi dengan rizab emas apabila memerlukannya. Hakikat bahawa Amerika terus mengalami defisit sejak 10 tahun lalu adalah bukti jelas sedangkan tidak diketahui siapa yang perlu menampung kekurangan itu. Lama-kelamaan, dolar Amerika tidak mustahil boleh menjadi seperti `duit pokok pisang' pada zaman pendudukan Jepun yang langsung tidak bernilai